



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2019**

---

**KEMUDAHAN TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH  
DAN TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG  
BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berkaitan penambahbaikan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah.

**LATAR BELAKANG**

2. Dasar dan peraturan berkaitan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah telah dijelaskan melalui Perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1978 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003.

3. Peraturan tersebut memperuntukkan bahawa sekiranya pegawai yang bertukar wilayah meninggal dunia di wilayah berkhidmat, ahli keluarga pegawai diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah pegawai ke wilayah asal. Setelah itu, pasangan pegawai atau seorang ahli keluarga dibenarkan kembali ke tempat pegawai berkhidmat untuk menguruskan pemindahan barang-barang atas tanggungan Kerajaan.

4. Peraturan sedia ada tidak memperuntukkan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah kepada pegawai apabila ahli keluarganya meninggal dunia di wilayah pegawai berkhidmat.

5. Peraturan sedia ada juga tidak memperuntukkan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemandangan Barang kepada waris pegawai bujang sekiranya pegawai tersebut meninggal dunia di wilayah berkhidmat.

### **Penambahbaikan Kemudahan**

6. Sebagai penambahbaikan, kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah turut diberikan kepada pegawai dan ahli keluarga sekiranya ada di kalangan ahli keluarga pegawai meninggal dunia di wilayah berkhidmat. Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemandangan Barang juga dipanjangkan kepada waris pegawai bujang sekiranya pegawai tersebut meninggal dunia di wilayah berkhidmat.

### **TAFSIRAN**

7. Dalam pekeliling perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

**'keluarga'** bermaksud isteri atau suami dan anak-anak pegawai berumur di bawah 21 tahun yang masih dalam tanggungan pegawai, termasuk anak tiri dan anak angkat yang diambil mengikut undang-undang. Had umur ini tidak terpakai bagi anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani.

**'waris'** bermaksud ibu bapa (kandung/angkat/tiri) atau adik-beradik atau saudara rapat pegawai;

**'wilayah asal'** bermaksud wilayah asal seseorang pegawai yang ditentukan berdasarkan wilayah kelahiran ibu atau bapa pegawai. Bagi pegawai yang ibu bapanya memperolehi taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai

berkenaan ketika mereka memperolehi Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia.

'**wilayah berkhidmat**' bermaksud wilayah selain dari wilayah asal di mana pegawai ditempatkan bertugas sama ada di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak atau Labuan.

## PELAKSANAAN

8. Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah diperuntukkan dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

- (a) sekiranya **pegawai meninggal dunia** di wilayah berkhidmat, ahli keluarga pegawai diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah dari wilayah berkhidmat ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat di wilayah asal;
- (b) sekiranya **ahli keluarga pegawai** meninggal dunia di wilayah berkhidmat, pegawai dan ahli keluarga diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat terhad di dalam Malaysia sahaja. Kemudahan tambang kapal terbang juga diberi kepada pegawai dan ahli keluarga untuk pulang semula ke wilayah berkhidmat selepas selesai urusan pengebumian jenazah; atau
- (c) sekiranya **pegawai bujang** meninggal dunia di wilayah berkhidmat, seorang waris diberi kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik untuk mengiringi jenazah dari wilayah berkhidmat ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat di wilayah asal.

9. Kemudahan Tambang Mengurus Pemindahan Barang diperuntukkan dalam keadaan-keadaan seperti berikut:



- (a) sekiranya **pegawai meninggal dunia** di wilayah pegawai berkhidmat, pasangan pegawai atau seorang ahli keluarga diberi kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik untuk menguruskan pemindahan barang dari wilayah berkhidmat ke wilayah asalnya. Dalam keadaan di mana pasangan atau ahli keluarga tidak dapat menguruskan pemindahan barang, seorang waris bagi mewakili pihak keluarga pegawai boleh diluluskan kemudahan tambang ini oleh Ketua Jabatan terakhir pegawai; atau
  
- (b) sekiranya **pegawai bujang** meninggal dunia di wilayah berkhidmat, seorang waris diberi kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik untuk menguruskan pemindahan barang-barang pegawai dari wilayah berkhidmat ke wilayah asalnya.

10. Perbelanjaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan meliputi keseluruhan kos tambang kapal terbang termasuk harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang, insurans penumpang dan surcay bahan api. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan menanggung kos berkaitan tambang kapal terbang yang disebabkan kecuaiian atau urusan peribadi seperti penukaran tarikh penerbangan, kos lebihan bagasi dan sebagainya.

11. Permohonan untuk menggunakan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang hendaklah menggunakan **Borang JPA (TMJMPB)** yang dilampirkan.

## **PEMBATALAN**

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 8 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1978 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003 adalah dibatalkan.


## **TARIKH KUAT KUASA**

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019.

## **PEMAKAIAN**

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

**31** Mei 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**BORANG PERMOHONAN  
KEMUDAHAN TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH  
DAN TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG**

<b>MAKLUMAT PEMOHON (PEGAWAI/KELUARGA/WARIS)</b>	
Nama:	
No. Kad Pengenalan:	
Alamat:	
Kementerian/ Jabatan/Agensi: (sekiranya berkaitan)	
Hubungan dengan Gemulah:	
<b>MAKLUMAT GEMULAH</b>	
Nama:	
No. Kad Pengenalan:	
Alamat:	
Kementerian/ Jabatan/Agensi: (sekiranya berkaitan)	
<b>PERMOHONAN</b>	
<input type="checkbox"/>	Tambang Mengiringi Jenazah
<input type="checkbox"/>	Tambang Mengurus Pemindahan Barang
<b>PENGAKUAN PEMOHON</b>	
Saya mengaku bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat tersebut.	
Tarikh: _____	Tandatangan: _____
<b>KEPUTUSAN KETUA JABATAN</b>	
Permohonan Diluluskan/Tidak Diluluskan*	
Tarikh: _____	Tandatangan: _____
	Nama: _____
	Jawatan: _____

\* Potong yang tidak berkenaan



**KEMUDAHAN LAIN YANG BOLEH DITUNTUT SEKIRANYA PEGAWAI  
PERKHIDMATAN AWAM MENINGGAL DUNIA**

1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 6.4:  
Bantuan Mengurus Jenazah Anggota dan Bayaran Pengangkutan Jenazah  
Pegawai Perkhidmatan Awam
  
2. Surat Ruj. JPA(SARAAN)(S)223/8/2-2 Klt. 3(47) bertarikh 30 September 2010:  
Pemberian Pindahan dan Elaun/Bayaran Kepada Waris Pegawai Yang  
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan (dibaca bersekali dengan Pekeliling  
Perbendaharaan Malaysia WP 1.2 - Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun,  
Kemudahan dan Bayaran bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana  
Bertukar/Berpindah Rumah)